

Headline : Kaji jadikan tapak warisan dunia

Media Title : Kosmo

Date : 10 May 2014



Kaji jadikan tapak warisan dunia

PM mahu Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor diiktiraf UNESCO

SAHLIZAH MOHAMED

GERIK - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan agar Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor yang berusia 130 juta tahun mendapat pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Sehubungan itu, beliau meminta agensi berkaitan menjalankan kajian terperinci berdasarkan nilai warisan dan ekonomi yang terdapat di destinasi ekopelancongan terbaharu negara itu.

"Saya mahu agensi berkenaan mengkaji sama ada Belum-Temenggor boleh kita dapatkan

pengiktirafan UNESCO sebagai tapak warisan dunia.

"Kita nak kaji kriteria, garis panduan dan asas sama ada ia memenuhi apa yang dikehendaki

untuk mendapat pengiktirafan UNESCO. Kalau kita memenuhi kriteria, kerajaan akan berusaha jadikan kawasan ini sebagai tapak warisan dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian

Belum Rainforest Resort Fasa ke-2 di Pulau Banding di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Ka-

mal Abu Bakar; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Abd. Kadir dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Dalam pada itu, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor mengunjungi pelbagai suku Orang Asli di Hutan Belum bagi mendekatkan diri dengan budaya masyarakat berkenaan selepas majlis perasmian tersebut.

Perdana Menteri dan isteri dibawa ke Kampung Budaya Orang Asli Tanjung Satu berdekatan dengan vila eksklusif resort berkenaan.



NAJIB (dua dari kiri) menandatangani plak perasmian Belum Rainforest Resort Fasa ke-2 di Pulau Banding, Gerik semalam. Turut kelihatan Zambry (kiri) dan Mustapha Kamal.



BAGI menyelami kehidupan masyarakat Orang Asli, Najib mencuba menyempit belon sambil diperhatikan Rosmah ketika melawat perkampungan Orang Asli di Pulau Banding.